



HARUN dan tetamu kehormat lain bersama salah satu kontinjen maskot Sukan Mahasiswa UMS.

PESERTA Sukan Mahasiswa UMS dan Kejohanan Bola Sepak Road To World Cup 2018 bergambar bersama Naib Canselor Professor Dr Mohd Harun Abdullah dan tetamu kehormat.

UMS gah dengan sukan

► Julang nama universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

UB 20.03.2017 A14

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

“Sukan merupakan salah satu agenda negara, maka itu pihak universiti menekankan kepentingan sukan selari dengan aspirasi negara.”

PROFESSOR DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor

Katanya, pengurusan UMS sentiasa menyokong sebarang program sukan dan rekreasi untuk warga universiti secara keseluruhannya.

Beliau berkata, peruntukan bajet khas sukan kepada Pusat Sukan diberikan agar program sukan dapat

yang telah siap sepenuhnya pada Oktober tahun lalu.

Menurutnya, kerja menaik taraf gelanggang tenis dijadualkan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini manakala trek balapan olahraga di stadium dalam perancangan untuk diganti pada tahun 2018.

Harun berkata, pelaburan universiti terhadap kemudahan sukan itu berbaloi kerana kerana ia digunakan secara maksima setiap hari.

“Saya juga menggalakkan agar mahasiswa menyertai atau melibatkan diri dalam pelbagai program sukan melalui pelbagai kejohanan atau pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan



HARUN dan Cahyono (depan dua dari kiri) serta tetamu kehormat lain bersama kontinjen Indonesia.

samada sebagai pengurus, jurulatih, peserta ataupun sukarelawan.

“Melalui program sebegini mahasiswa akan dapat berinteraksi dan membina jati diri melalui kepimpinan disamping mendapat manfaat secara langsung untuk kesihatan diri,” katanya sambil mengucapkan syabas kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar

dan Pusat Sukan atas usaha mengelolakan program seperti itu yang dijalankan setiap semester dan sesi pengajaran.

Sukan Mahasiswa dan Kejohanan Bola Sepak ‘Road To World Cup’ itu melibatkan penyertaan kira-kira 1,000 mahasiswa UMS.

Sukan mahasiswa merangkumi Liga Sukan yang membabitkan sukan bola



HARUN (dua dari kiri) bersama James, (kiri), Hassan (dua dari kanan) dan Ismail memegang bebola elektrik sebagai simbolik perasmian.

sepak, futsal, takraw, bola tampar, bola keranjang, bola jaring, handball, badminton, ping pong, tenis dan catur di samping sukan masa, karnival sukan dan sukan dalam dewan.

Kejohanan Bola Sepak Road To World Cup pula melibatkan pelajar antarabangsa yang mewakili negara masing-masing iaitu China, India, Brunei, Indonesia, Timor Leste, Federation (gabungan pemain dari negara-negara Afrika dan Asia Selatan) dan Malaysia.

“Ini juga akan memberi imej yang baik kepada UMS di mata pelajar antarabangsa. Saya berharap lebih banyak lagi program sebegini dijalankan untuk menarik minat dan keterlibatan pelajar-pelajar antarabangsa.

“Kita berharap dengan keterlibatan diri pelajar-pelajar antarabangsa akan mewujudkan lebih perasaan cintakan UMS Sabah dan akan menjadi kenangan indah sepanjang menuntut ilmu di sini,” kata Harun.

Sebagai rekod, antara warga UMS yang pernah mewakili negara adalah Lom Boo Huat (olahraga Sukan Universiti Asean 1996), Dr Jury Foo (taekwondo Asia 2001), Syed Mohd Salim (olahraga Sukan Universiti Asean 2003), Linus Nicholas (olahraga Sukan

Universiti Dunia Thailand 2008), Shirley Ling (tenis Sukan Universiti Dunia Russia 2013), James Tee (taekwondo Sukan Universiti Dunia Russia 2015), Laura Simon (lawan pedang Sukan Universiti Dunia Korea 2015 dan Sukan Sea 2015 Singapura).

UMS terus gah dengan sukannya apabila beberapa lagi pelajar dan kakitangannya terpilih mewakili negara ke Sukan Sea 2017 Kuala Lumpur pada 19-31 Ogos.

Antara warga UMS akan membawa cabaran negara pada Sukan SEA itu adalah Fathin Faqihah Mohd Yusuf (olahraga), Fatin Aqilah Amran (boling padang), Armadi Radi (taekwondo) dan empat pemain bola sepak wanita iaitu Mastura Majid, Shereillynn Elly Pius, Haindee Mosroh dan Jaciah Humilis.

Turut bersama pada majlis perasmian itu adalah Konsul Fungsi Penerangan Sosial Dan Budaya Konsulat Indonesia di Kota Kinabalu, Cahyono Rustam, Konsulat Brunei di Kota Kinabalu, Pengiran Hajah Noorriyah Pengiran Haji Yusoff, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, Prof. Madya Dr. ismail Ali dan tetamu jemputan khas yang juga legenda bola sepak negara dari Sabah, Datuk James Wong dan Datuk Hassan Sani.

KOTA KINABALU: Sukan turut menjulang nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) gah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Naib Canselor, Professor Dr Mohd Harun Abdullah berkata, UMS bukan sahaja telah melahirkan ramai atlet yang menang di peringkat kebangsaan tetapi mewakili negara ke kejohanan peringkat



HARUN dan tetamu kehormat lain bersama pasukan bola sepak Brunei.

antarabangsa.

Katanya, UMS juga mempunyai kemudahan sukan yang kondusif dan mesra pelanggan yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya sama ada bersukan untuk kesihatan atau sebagai atlet yang akan bertanding di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

Harun berkata demikian semasa merasmikan Sukan Mahasiswa UMS 2017 dan Kejohanan Bola Sepak ‘Road To World Cup 2018’ di Stadium UMS Jumaat lepas.

dirancang dan dijalankan sepanjang tahun termasuk penyertaan kejohanan peringkat kebangsaan dan pengelolaan program sukan di UMS.

“Sukan merupakan salah satu agenda negara, maka itu pihak universiti menekankan kepentingan sukan selari dengan aspirasi negara,” katanya.

UMS dilengkapi kemudahan hampir semua jenis sukan dan termasuk yang terbaru iaitu padang bola sepak tumpur tiruan yang diiktiraf FIFA



HARUN dan tetamu kehormat lain bersama pasukan bola sepak China.